

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
KPDNHEP TAHUN 2018**

PADA

7 JANUARI 2019 (ISNIN)

TEMPAT

**DEWAN SERI SIANTAN,
PERBADANAN PUTRAJAYA**

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera

SALUTASI

YB Chong Chieng Jen

Timbalan Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

YBhg. Datuk Seri Jamil bin Salleh

Ketua Setiausaha

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

YBrs. Encik Badrul Hisham bin Mohd

Timbalan Ketua Setiausaha

Perdagangan Dalam Negeri

YBhg. Dato' Muez bin Abd Aziz

Timbalan Ketua Setiausaha

Kepenggunaan & Pengurusan

YBhg. Dato'- dato', Datin-datin

Ketua-Ketua Bahagian dan Agensi (HOD & HOA) serta pegawai-pegawai kanan Kementerian

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama merafa'kan setinggi-tinggi syukur terhadap Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia dari-Nya dapat kita sama-sama berhimpun untuk **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPDNHEP Tahun 2018.**

Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Bahagian Sumber Manusia selaku urus setia kerana berjaya menganjurkan majlis ini.

Kepada pegawai dan kakitangan KPDNHEP yang mendapat Anugerah Khidmat Cemerlang pada hari ini, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada mereka yang berjaya menerima anugerah yang amat bermakna ini.

Kerajaan sentiasa menghargai dan mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang seumpama ini bertujuan menggalakkan penjawat awam untuk terus memberikan komitmen dan daya usaha dalam mempertingkatkan mutu kerja dan produktiviti diri mereka.

Pengiktirafan ini juga dapat mewujudkan persaingan yang sihat dalam membuktikan keupayaan diri masing-masing dan secara tidak langsung akan memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik. Ini bertepatan dengan perintah Allah SWT yang menggalakkan persaingan sihat dalam melakukan kebaikan sebagaimana firmanNya dalam Surah Al Baqarah ayat 148:

“....hendaklah kamu berlumba-lumba melakukan kebaikan...”

Saya berharap pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini akan menjadi pendorong dan membangkitkan semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkualiti, seterusnya menjadi *role model* dan mentor terbaik kepada warga kementerian yang lain.

Selain itu, Kerajaan sentiasa menunjukkan keperihatinan dan berterima kasih kepada penjawat

awam. Bukti keperihatinan Kerajaan terhadap kebajikan penjawat awam diterjemahkan dalam Bajet 2019 iaitu:-

- i. Insentif bayaran khas sebanyak RM 500 kepada penjawat awam Gred 54 ke bawah dan RM 250 kepada pesara Kerajaan yang diberikan pada hujung tahun 2018;
- ii. Pemberian bantuan sebanyak RM 500 secara *one-off* kepada pesara yang menerima pencen kurang dari RM 1,000 sebulan.
- iii. Memanjangkan kemudahan perubatan kepada ibu bapa pegawai lantikan kontrak (*contract of service*) warganegara;
- iv. Memanjangkan kemudahan Cuti Tanpa Rekod sebanyak 7 hari sekali sepanjang tempoh perkhidmatan kepada penjawat awam yang bukan beragama Islam bagi tujuan menjalankan aktiviti keagamaan; dan

- v. Memanjangkan tempoh pembiayaan perumahan sektor awam di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) di mana tempoh pembiayaan pertama daripada 30 tahun kepada 35 tahun dan pembiayaan kedua dari 25 tahun kepada 30 tahun.

Tuan-tuan dan puan-puan yang terhormat,

Subsidi kepada golongan yang memerlukan terutamanya B40 tidak dilupakan oleh kerajaan. Melalui Bajet 2019, kerajaan berjanji untuk memberikan:-

- i. Subsidi minyak secara bersasar kepada pemilik kereta persendirian 1500 cc dan ke bawah dan motosikal dengan kapasiti enjin 125 cc dan ke bawah iaitu subsidi RON 95 sebanyak 30 sen seliter terhad bagi 100 liter sebulan bagi kereta dan 40 liter bagi motosikal. Mekanisma penyaluran subsidi ini akan dikaji oleh KPDNHEP dan dijangka akan dapat dilaksanakan menjelang suku tahun kedua 2019. Seramai 4 juta pemilik

kenderaan dan 2.6 juta pemilik motosikal akan mendapat manfaat ini.

- ii. Kerajaan memperuntukkan RM 150 juta untuk menstabilkan bekalan dan menyeragamkan harga barang keperluan seperti gandum, minyak masak, beras tempatan hancur 15%, RON 95, diesel dan LPG.
- iii. Bagi menjaga kebajikan pengguna, kerajaan telah memperkenalkan aplikasi *Price Catcher* yang mana boleh dimuat turunkan oleh pengguna untuk mengetahui harga yang terbaik di pasaran. Di samping itu, ia membantu pihak Penguatkuasa kita untuk memantau amalan-amalan penentuan harga yang menyalahi undang-undang.

PROGRAM PERINTIS KPDNHEP

Sepanjang tahun 2018, ini KPDNHEP telah melaksanakan pelbagai program untuk kesejahteraan rakyat. Antaranya ialah:-

i. Program Food bank

- Program ini dijangka dapat memanfaatkan 186,354 Ketua Isi Rumah (KIR) dengan pendapatan di bawah RM 940.00. Ia merupakan satu inisiatif peduli rakyat bagi meringankan beban yang terpaksa ditanggung kesan daripada kenaikan kos sara hidup dan mengurangkan pembaziran makanan selaras dengan komitmen Malaysia di peringkat global di bawah matlamat pembangunan lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- Melalui program Food Bank Malaysia yang digerakkan oleh Kementerian ini, lebih makanan yang masih boleh dimakan dapat dikumpul dan diagihkan kepada golongan yang benar-benar memerlukannya dengan kerjasama dari pasar raya-pasar raya utama seperti Giant, Tesco dan lainnya. Program ini akan diperluaskan lagi pada tahun 2019 ini agar lebih ramai penerima dari kalangan rakyat yang

memerlukan dapat merasai bantuan makanan menerusi Food Bank Malaysia ini.

- ii. Program i-KeeP (Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna)
 - Tumpuan program ini ialah untuk menjual barangan keperluan asas seperti gula, minyak masak, tepung gandum, beras dan sebagainya pada harga yang berpatutan dan munasabah. Berdasarkan slogan “Harga Ekonomi Belian Terbaik”, i-Keep melalui kerjasama bersama syarikat pengeluar dan rakan strategik, telah menyenaraikan lebih dari 100 jenis barangan keperluan harian berjenama sebagai barangan i-KeeP.
 - Pelaksanaan i-KeeP akan membawa manfaat secara langsung kepada semua pengguna di Malaysia dengan sasaran utama kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk menikmati dan mendapatkan barangan keperluan harian dengan kadar harga yang rendah, munasabah dan berpatutan.

iii. Program Pembangunan Francais

- Program ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan produk tempatan untuk dikembangkan ke peringkat antarabangsa melalui sistem francais. Setiap tahun, Majlis Anugerah Francais Malaysia akan diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada francais tempatan yang membantu dalam perkembangan ekonomi di dalam dan luar negara.
- Kejayaan syarikat-syarikat francais yang telah berjaya mengembangkan perniagaan mereka di peringkat domestik dan antarabangsa hasil dari bimbingan Kementerian harus menjadi satu aras kejayaan dan kebanggaan kita bersama.

iv. Program Transformasi Peniaga (*Food Truck*)

- Melalui program ini, peniaga-peniaga khususnya penjaja dan peniaga kecil dilatih dan diberikan bantuan pinjaman RM100,000 bagi tujuan pembelian *food truck* ini dilakukan dengan tujuan untuk mempertingkatkan dan mengembangkan

perniagaan mereka kepada struktur yang lebih mantap seperti perniagaan bergerak dan sudut peragaan barangan yang lebih baik.

- Seramai 20 orang peserta telah menghadiri kursus Food Truck Malaysia (FTM) dengan jayanya dan Majlis Penyampaian Sijil dan penyerahan kenderaan *food truck* dan *mobile food kiosk* telah diadakan pada 20 Disember 2018 yang lalu.

KEJAYAAN KPDNHEP TAHUN 2018

KPDNHEP telah mencapai 5 bintang untuk Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS tahun 2017 dengan pencapaian sebanyak 100% yang mana anugerahnya telah diterima pada 1 Oktober 2018. Syabas dan tahniah diucapkan atas pencapaian ini dan semoga kejayaan ini dapat dikekalkan pada masa-masa akan datang.

KESETIAAN KEPADA KERAJAAN YANG MEMERINTAH (*GOVERNMENT OF THE DAY*)

Pada 8 Mei 2018 yang lalu, kerajaan Pakatan Harapan telah memenangi PRU ke 13 dan seterusnya berjaya membentuk kerajaan. Selaku penjawat awam, tuan-tuan dan puan-puan perlulah memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan dalam melaksana dan merealisasikan agenda pembangunan negara.

Sebagai penjawat awam, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan untuk memastikan rakyat mendapat yang khidmat yang terbaik sejajar dengan visi dan misi kementerian. Rakyat adalah pelanggan dan pemegang taruh (*stake holder*) yang utama bagi kementerian ini yang mana kita harus memberikan keutamaan dalam menjaga kebajikan dan melindungi hak mereka.

WAY FORWARD

Adalah diharapkan KPDNHEP akan menjadi agensi yang terunggul dalam mendepani arus perdana pada tahun ini dan akan datang. Kita harus terampil dengan berani dan memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat khususnya dalam agenda untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan membantu meringankan kos sara hidup. Di samping tugas hakiki kementerian yang melindungi hak-hak pengguna dan menggalakkan aktiviti perniagaan supaya ekonomi negara terus berkembang dengan sebaiknya.

Akhir kata saya sudahi ucapan saya dengan Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera.

Sekian, terima kasih.